



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**21 MEI 2019 (SELASA)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Utusan Malaysia**

- Apa cerita selepas bazaar tamat operasi?

46-47



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
 PANDAN INDAH, SELANGOR,  
 55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**21 MEI 2019 (SELASA)**

|              |  |
|--------------|--|
| Akhbar       | Utusan Malaysia                          |
| Tajuk Berita | Apa cerita selepas bazaar tamat operasi? |
| Muka Surat   | 46-47                                    |

UNIT BERITA KOTA 44, Jalan Utusan, Melalui Jalan Chan Sow Lin, 55200, Kuala Lumpur.  
 Facebook: Utusan Kota Twitter: @UtusanKota Laman web: www.utusan.com.my

PENIAGA perlu bertanggungjawab menjaga kebersihan gerai mereka tanpa mengharap kontraktor pembersihan melakukan kerja pembersihan semata-mata. -UTUSAN/FARID JANUDDIN



# Apa cerita selepas bazaar tamat operasi?

um 21/5/19 mjs 46-47

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA  
 utusankota@gmail.com.my

■ KUALA LUMPUR 20 MEI

SEBELINTIR peniaga bazar Ramadan sekitar Ibu negara dikesan gagal mematuhi hi syarat dan peraturan ditetapkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) termasuk menitikberatkan aspek kebersihan semasa dan selepas menjalankan perniagaan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Bazar Ramadan Bangsar dan Bandar Sri Permaisuri baru-baru ini mendapati persekitaran bazar dan gerai secara keseluruhan kotor dan tidak terurus.

Berdasarkan pemerhatian selepas operasi bazar tamat selawat-lewatnya pukul 8 malam, persekitaran bazar dipenuhi longgokan sampah termasuk sisa makanan.

Terdapat sampah sarap seperti hampas tebu dibiarkan berteraburan tanpa dimasukkan ke dalam plastik atau tong sampah disediakan.

Lebih mengecewakan ada peniaga makanan goreng membuang lebihan minyak ke dalam longgok berhampiran.

Kegagalan peniaga mematuhi aspek kebersihan di tapak bazar sewajarnya diberi perhatian serius dan diambil tindakan penguatkuasaan oleh DBKL.

*Utusan Malaysia* difahamkan, masalah sampah di tapak bazar kendalian pihak berkuasa tem-



KONTRAKTOR melakukan kerja-kerja mengutip dan membersihkan sampah sarap di kawasan tapak bazar ramadan di Jalan Telawi, Bangsar selepas operasi perniagaan tamat.


patan (PBT) itu bukan masalah baharu, sebaliknya telah wujud sejak sekian lama walaupun ada beberapa tong sampah besar disediakan di kawasan tersebut.

Apa yang menghairankan adalah sikap para peniaga yang seolah-olah tidak mengendahkan soal kebersihan dengan membiarkan sampah bersepah di sekitar gerai mereka serta

tidak menggunakan kemudahan tong.

Walaupun ada kontraktor yang bertanggungjawab mengutip sampah di kawasan tersebut setiap kali selepas operasi perniagaan, peniaga tidak seharusnya menyerahkan tugas membersihkan kawasan perniagaan mereka bulat-bulat kepada pihak berkenaan.

UTUSAN MALAYSIA • SELASA 21 MEI 2019



SEORANG kontraktor membersihkan sampah yang ditinggalkan peniaga selepas perniagaan tamat di Bazar Ramadan Bandar Sri Permaisuri, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Kegagalan peniaga mematuhi aspek kebersihan di tapak bazar sewajarnya diberi perhatian serius dan diambil tindakan penguatkuasaan oleh DBKL.

## REAKSI



"PIHAK Berkuasa perlu mengambil tindakan terhadap peniaga yang gagal mematuhi

peraturan kebersihan dan keselamatan dalam penyediaan makanan kerana ia merupakan satu kesalahan berat yang boleh menimbulkan kes keracunan makanan."

SAZARUDIN SHARIFF  
 Penungjung



"SAYA harap peniaga beralih adil dan jujur dalam perniagaan mereka terutama dalam menentukan

harga makanan. Kadang-kadang harga makanan yang dijual tidak masuk akal berbanding kualiti makanan tersebut."

MUHAMMAD AMIRUL  
 HAKIM ROSLI  
 Penungjung



KEADAAN longgok yang terdapat sisa minyak masak terpakai dipercayai dibuang oleh peniaga di bazar ramadan Bandar Sri Permaisuri, baru-baru ini.